



## SOALAN LAZIM (FAQ) SUMBANGAN TUNAI RAHMAH (STR) 2024

### A. PENGENALAN

#### 1. S: Bilakah Permohonan STR 2024 akan dibuka?

J: Permohonan STR 2024 dibuka sepanjang tahun mulai 01 November 2023

#### 2. S: Bagaimanakah kaedah permohonan STR 2024?

Kaedah permohonan STR adalah seperti berikut:

J: a. **Permohonan Secara Dalam Talian**

- i. Portal Rasmi STR, <https://bantuantunai.hasil.gov.my>; atau
- ii. Aplikasi Sumbangan Tunai Rahmah dengan memuat turun di Play Store pada telefon bimbit  
\* Aplikasi ini tidak tersedia pada platform IOS

b. **Permohonan Melalui Borang Kertas**

Borang Permohonan STR (BK-01) boleh didapati secara percuma di:

- i. Portal Rasmi STR ; atau
- ii. Pejabat HASiL / Pejabat Satelit (PS) / Pusat Transformasi Bandar (UTC) HASiL

#### 3. S: Di manakah saya boleh menghantar Borang Permohonan STR yang telah lengkap diisi berserta dokumen sokongan berkaitan?

J: Borang STR 2024 yang telah lengkap diisi berserta dokumen sokongan berkaitan boleh:

- a. Diserahkan ke Pejabat HASiL / Pejabat Satelit (PS) / Pusat Transformasi Bandar (UTC) HASiL; atau
- b. Penghantaran secara Pos terhad kepada borang permohonan yang diterima ke alamat seperti berikut:

**Peti Surat STR  
GPO Shah Alam  
40800 Shah Alam  
SELANGOR**

**Atau**

**Sekretariat STR  
Pejabat Belanjawan Negara  
Kementerian Kewangan Malaysia  
Presint 2  
62592 PUTRAJAYA**

Penghantaran borang **secara faks dan e-mel** adalah tidak diterima.

**4. S: Apakah kategori permohonan yang dibuka sepanjang tempoh permohonan STR 2024?**

- J: Berikut adalah kategori permohonan yang dibuka sepanjang tempoh permohonan STR 2024:
- Permohonan Baharu;
  - Kemas Kini Permohonan;
  - Permohonan Rayuan / Rayuan Tambahan; dan
  - Perubahan Maklumat Asas Permohonan

**B. PERMOHONAN BAHRU**

**5. S: Siapakah yang perlu membuat Permohonan Baharu STR 2024?**

- J: Pemohon yang perlu membuat **Permohonan Baharu** STR 2024 adalah seperti berikut:
- Pemohon yang tiada rekod dalam sistem STR 2024; serta
  - Berpendapatan isi rumah RM5,000 dan ke bawah; atau
  - Berpendapatan RM2,500 dan ke bawah untuk individu bujang / tiada pasangan / tiada anak yang menepati syarat kelayakan.

**6. S: Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa membuat permohonan STR?**

J: Salinan dokumen sokongan pemohon / pasangan / anak (jika berkaitan) yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:

**a. Pemohon:**

- Salinan Sijil Perkahwinan yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri / JPN; atau
- Salinan Sijil Kematian pasangan yang dikeluarkan oleh JPN; atau
- Sijil Perceraian / Pembubaran Perkahwinan (asal dan salinan) yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri / JPN; atau
- Salinan Sijil Dekri Nisi / Dekri Nisi Mutlak yang dikeluarkan oleh Mahkamah; atau
- Salinan Kad OKU yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi pemohon berumur 19 - 20 tahun pada tahun 2024

**b. Pasangan:**

- Salinan pengenalan Pasangan (MyKad / MyPR / MyKAS); atau
- Salinan Pasport / Visa / UNHCR / Pas Sempadan

**c. Anak:**

- Anak Kandung
  - Salinan Sijil Lahir; dan
  - Salinan MyKad / MyKid
- Anak Angkat
  - Salinan MyKad / MyKid; dan
  - Salinan Sijil Daftar Anak Angkat yang dikeluarkan oleh JPN

Borang Serahan Dokumen Sokongan STR (BK-04) perlu dilengkapkan dan diserahkan semasa mengemukakan dokumen sokongan berkenaan ke Pejabat HASiL **ATAU** boleh memuat naik ke sistem STR semasa permohonan secara dalam talian.

- 7. S: Saya hanya mempunyai Kad Pengenalan Lama dan tidak memperbaruiinya lagi. Adakah saya boleh membuat permohonan STR?**  
J: Anda perlu merujuk Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk mendapatkan MyKad kerana Permohonan STR mewajibkan penggunaan MyKad sahaja. Permohonan STR hanya boleh dilakukan setelah anda mempunyai MyKad.
- 8. S: Saya berumur 20 tahun pada tahun 2023, adakah saya layak memohon STR 2024 mulai 01 November 2023?**  
J: Ya. Anda layak membuat Permohonan STR 2024 bagi Kategori Bujang mulai 01 November 2023 kerana anda menepati syarat umur 21 tahun pada tahun 2024.
- 9. S: Saya bujang berumur 18 tahun pada tahun 2023 dan merupakan Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), adakah saya layak memohon STR 2024 bagi kategori Bujang mulai 01 November 2023?**  
J: Ya. Anda layak membuat Permohonan STR 2024 bagi Kategori Bujang mulai 01 November 2023 kerana anda menepati syarat umur 19 tahun pada tahun 2024.
- 10. S: Saya merupakan pemohon bagi kategori bujang yang berumur 59 tahun pada tahun 2023 dan telah membuat permohonan baharu / kemas kini pada bulan November. Adakah permohonan saya akan dikategorikan sebagai permohonan Warga Emas Tiada Pasangan?**  
J: Ya. Permohonan anda akan dikategorikan sebagai permohonan Warga Emas Tiada Pasangan kerana anda menepati syarat umur 60 tahun pada tahun 2024.
- 11. S: Anak saya berumur 20 tahun pada tahun 2023 dan dikategorikan sebagai OKU kerana mengalami kemalangan pada tahun ini. Bolehkah saya kemas kini maklumat anak saya dalam permohonan STR 2024?**  
J: Anak berkenaan tidak layak untuk didaftarkan sebagai anak / tanggungan di bawah permohonan STR anda. Walau bagaimanapun, anak berkenaan boleh memohon STR bagi kategori Bujang sekiranya berstatus OKU dan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
- 12. S: Saya bujang berumur 19 tahun pada tahun 2023, adakah saya layak untuk membuat Permohonan STR 2024?**  
J: Tidak. Anda tidak layak untuk membuat Permohonan STR 2024 kerana syarat pemohon bujang mestilah berumur 21 tahun pada tahun 2024.  
Anda hanya layak untuk membuat Permohonan STR 2024 bagi kategori Bujang jika anda merupakan Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
- 13. S: Saya berstatus ibu tunggal yang berumur 40 tahun dan mempunyai seorang anak (OKU) berumur 19 tahun bukan pelajar sepenuh masa. Adakah saya boleh memohon STR dengan meletakkan anak saya di permohonan STR saya?**  
J: Tidak. Anda perlu memohon STR di bawah kategori Bujang sebagai Ibu Bapa Tunggal tiada anak / tanggungan. Ini kerana anak berkenaan boleh memohon STR berasingan bagi kategori Bujang sekiranya berstatus OKU dan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

**14. S: Saya berstatus ibu tunggal yang berumur 50 tahun dan mempunyai seorang anak (OKU) berumur 21 tahun yang masih belajar sepenuh masa. Adakah saya boleh memohon STR dengan meletakkan anak saya dalam maklumat permohonan STR saya?**

J: Anak berkenaan boleh didaftarkan di permohonan STR anda sekiranya menepati syarat kelayakan Anak.

Sekiranya anak berkenaan tidak menepati syarat kelayakan, anda boleh memohon STR di bawah kategori Bujang sebagai ibu / bapa tunggal tiada anak / tanggungan.

**15. S: Saya berstatus ibu tunggal yang berumur 40 tahun dan mempunyai seorang anak berumur 21 tahun yang masih belajar sepenuh masa. Adakah saya boleh memohon STR 2024 dengan meletakkan anak saya dalam maklumat Permohonan STR saya?**

J: Anak berkenaan boleh didaftarkan di permohonan STR 2024 anda sebagai anak / tanggungan sekiranya menepati syarat kelayakan Anak.

Sekiranya anak berkenaan tidak menepati syarat kelayakan, anda boleh memohon STR di bawah kategori Bujang sebagai Ibu Bapa Tunggal tiada anak.

**16. S: Saya berstatus bujang tetapi mempunyai anak angkat. Adakah saya layak untuk memohon sebagai isi rumah?**

J: Tidak. Sekiranya anda berstatus bujang dan tidak pernah berkahwin, anda tidak layak untuk memohon kategori isi rumah. Namun, permohonan kategori Bujang boleh dibuat sekiranya memenuhi syarat kelayakan.

**17. S: Sijil perkahwinan saya telah hilang, apakah dokumen sokongan yang boleh digunakan untuk pengesahan status perkahwinan?**

J: Dokumen sokongan yang boleh digunakan sebagai pembuktian status perkahwinan:

- Kad nikah; atau
- Sijil Lahir Anak

**18. S: Saya berkahwin di luar negara dan mempunyai sijil perkahwinan yang sah dari negara tersebut, adakah saya layak memohon STR kategori isi rumah dan apakah dokumen yang diperlukan?**

J: Tidak. Anda tidak layak memohon di bawah kategori isi rumah kecuali anda telah mendaftarkan perkahwinan dengan Jabatan Agama Islam Negeri atau Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Namun sekiranya anda mempunyai anak, anda layak memohon STR dengan mengemukakan Sijil Lahir Anak yang berdaftar di JPN sebagai bukti perkahwinan.

**19. S: Saya bukan warganegara Malaysia. Adakah saya layak memohon STR?**

J: Tidak. Bantuan ini adalah untuk warganegara Malaysia yang menetap dan bekerja di Malaysia sahaja.

**20. S: Saya merupakan warganegara Malaysia tetapi menetap di Singapura. Adakah saya layak memohon STR?**

J: Tidak. Bantuan ini adalah untuk Warganegara Malaysia yang menetap dan bekerja di Malaysia sahaja.

**21. S: Permohonan secara dalam talian memerlukan saya mengisi maklumat akaun bank. Jika saya tidak mempunyai maklumat akaun bank, bagaimanakah saya boleh menghantar Permohonan STR?**

J: Anda boleh menghantar permohonan STR secara dalam talian dengan memilih Tiada Maklumat Akaun Bank. Walau bagaimanapun, anda disarankan untuk mengisi maklumat akaun bank anda bagi membolehkan pembayaran STR dibuat dengan mudah dan cepat tanpa perlu hadir ke kaunter BSN.

**22. S: Permohonan secara dalam talian memerlukan saya mengisi maklumat alamat e-mel. Apakah kegunaan alamat e-mel berkenaan?**

J: Anda perlu mendaftarkan alamat e-mel yang sah semasa permohonan STR kerana alamat e-mel berkenaan akan digunakan untuk tujuan berikut:

- Set semula akaun STR disebabkan terlupa soalan keselamatan semasa log masuk; dan
- Penyampaian makluman STR

**23. S: Saya telah menghantar permohonan STR 2024 secara dalam talian. Walau bagaimanapun saya menerima mesej peringatan memaklumkan saya perlu muat naik dokumen sokongan atau menghantar ke Pejabat HASiL. Bagaimanakah cara untuk saya kemukakan dokumen sokongan berkenaan ke Pejabat HASiL?**

J: Anda digalakkan untuk memuat naik dokumen sokongan yang diperlukan ke Portal Rasmi STR semasa permohonan.

Sekiranya anda ingin menghantar ke Pejabat HASiL, anda perlu mengemukakan dokumen sokongan yang diperlukan dengan mengisi Borang Serahan Dokumen Sokongan STR (BK-04) yang boleh diperolehi di Pejabat HASiL atau dimuat turun dari Portal Rasmi STR.

Pastikan anda mendapat keratan Akuan Penerimaan Serahan Dokumen Sokongan berkenaan sebagai rekod penyerahan. Penghantaran secara faks dan e-mel adalah tidak diterima.

**24. S: Saya telah menghantar permohonan STR. Sekiranya ada perubahan maklumat, adakah saya masih boleh membuat kemas kini permohonan?**

J: Ya. Kemas kini maklumat boleh dibuat sebelum permohonan anda diproses.

**25. S: Saya telah menghantar Borang Permohonan STR ke Pejabat HASiL. Adakah saya boleh mengemas kini semula permohonan secara dalam talian?**

J: Tidak. Kemas kini secara dalam talian tidak dibenarkan sekiranya Permohonan baharu / kemas kini yang dihantar ke Pejabat HASiL / PS / UTC telah diproses oleh pegawai HASiL.

Oleh itu, sebarang kemas kini permohonan STR selanjutnya perlu dikemukakan ke Pejabat HASiL / PS / UTC dengan mengisi Borang Permohonan STR (BK-01) semula.

**26. S: Saya telah membuat permohonan STR secara dalam talian dan juga telah berjaya memuat naik semua dokumen sokongan yang diperlukan di Sistem STR. Adakah saya masih perlu kemukakan semula dokumen sokongan berkenaan ke Pejabat HASiL?**

J: Tidak. Sekiranya dokumen sokongan yang diperlukan telah berjaya dimuat naik di Sistem STR semasa permohonan secara dalam talian, anda tidak perlu kemukakan semula dokumen berkenaan ke Pejabat HASiL.

**27. S: Sekiranya saya tidak mengisi nombor akaun bank semasa permohonan STR 2024, bagaimanakah pembayaran akan dilakukan?**

J: Sekiranya anda tidak melaporkan maklumat akaun bank, pembayaran adalah secara tunai di kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN) dengan membawa MyKad. Anda digalakkan untuk mengisi nombor akaun bank bagi pembayaran STR, agar proses pembayaran dapat diterima dengan mudah dan cepat.

**28. S: Apakah jenis akaun bank yang perlu saya daftarkan ketika permohonan STR 2024?**

J: Anda perlu mendaftarkan akaun bank persendirian.

#### **C. KEMAS KINI PERMOHONAN**

**29. S: Saya adalah penerima STR 2023. Adakah saya perlu membuat kemas kini permohonan STR sekiranya tiada sebarang perubahan maklumat?**

J: Sekiranya permohonan anda wujud di portal STR, anda:

- perlu mengemas kini permohonan** sekiranya mempunyai perubahan maklumat;
- perlu mengemas kini permohonan** sekiranya tidak pernah dikemas kini dalam tempoh 3 tahun berturut-turut sepanjang pelaksanaan BPR 2021, BKM 2022 dan STR 2023 untuk elakkan permohonan tidak dipertimbangkan;
- tidak perlu kemas kini** permohonan sekiranya tiada sebarang perubahan maklumat;
- tidak perlu kemas kini** permohonan bagi pemohon kategori Warga Emas dan Pedalaman sekiranya tiada perubahan maklumat.

Walau bagaimanapun sekiranya semakan permohonan anda tidak wujud di Portal STR, anda perlu membuat permohonan baharu.

- 30. S: Sekiranya saya lulus STR 2023 dan tidak mengemas kini permohonan STR 2024 sepanjang tempoh permohonan dibuka, adakah saya layak menerima STR?**
- J: Sekiranya anda tidak membuat kemas kini, permohonan STR anda akan diproses berdasarkan maklumat sedia ada Sumbangan Tunai Rahmah (STR) 2023.
- 31. S: Semasa permohonan STR 2023 sebelum ini, saya telah kemukakan semua dokumen sokongan yang diperlukan. Adakah saya perlu kemukakan semula semasa permohonan STR?**
- J: Sekiranya permohonan anda wujud di portal STR 2024 dan tiada perubahan maklumat, dokumen sokongan tidak perlu dikemukakan semasa mengemas kini permohonan STR.
- 32. S: Saya telah menerima pembayaran STR 2023 dengan status ibu / bapa tunggal dan mempunyai seorang anak. Adakah saya perlu untuk kemas kini maklumat anak berkenaan dan kemukakan dokumen sokongan?**
- J: Sekiranya permohonan wujud di portal STR 2024 dan tiada perubahan maklumat anak yang didaftarkan, anda tidak perlu kemas kini permohonan. Ini kerana pemprosesan bagi penentuan kelayakan anak akan dibuat melalui sistem.
- Walau bagaimanapun, sekiranya anda mempunyai tambahan anak yang lain, kemas kini dan serahan dokumen sokongan anak yang baharu perlu dibuat.
- 33. S: Saya berumur 65 tahun dan berstatus kahwin. Adakah saya perlu kemukakan sijil nikah bagi pengesahan status perkahwinan?**
- J: Bagi pemohon STR yang berumur 60 tahun dan ke atas (warga emas), dokumen sokongan adalah tidak diwajibkan semasa permohonan STR 2024.
- 34. S: Saya adalah penerima STR 2023 bagi kategori Isi Rumah dengan status Ibu Tunggal dan mempunyai seorang anak (OKU) yang berumur 18 tahun yang masih belajar sepenuh masa. Adakah saya masih boleh mengekalkan maklumat anak tersebut semasa membuat Kemas Kini Permohonan pada November?**
- J: Anda masih boleh mengekalkan maklumat anak berkenaan sekiranya menepati syarat kelayakan anak.
- Sekiranya tidak menepati syarat kelayakan anak, anda boleh memohon di bawah kategori Bujang sebagai Ibu Bapa Tunggal (IBT) tiada anak.
- 35. S: Suami saya adalah penerima STR 2023 dan meninggal dunia. Adakah saya perlu membuat Permohonan Baharu STR?**
- J: Ya. Anda boleh membuat permohonan baharu STR 2024 dengan status perkahwinan yang terkini.
- 36. S: Suami saya adalah penerima STR 2023 dan telah meninggal dunia sebelum 01 November 2023. Saya berstatus bukan warganegara Malaysia, adakah saya boleh membuat kemas kini permohonan STR 2024 atas nama suami saya?**
- J: Tidak. Pemohon yang meninggal dunia sebelum 01 November 2023 tidak layak untuk membuat permohonan STR 2024. Oleh itu, kemas kini ke atas permohonan suami tidak dibenarkan.

37. S: **Saya telah mengemas kini permohonan pada November 2023. Adakah saya perlu mengemas kini permohonan pada setiap bulan bagi memastikan saya menerima setiap fasa pembayaran yang telah ditetapkan?**
- J: Bagi permohonan berstatus Lulus, anda tidak perlu mengemas kini permohonan sekiranya maklumat adalah sama. Anda akan menerima baki bayaran mengikut fasa pembayaran yang telah ditetapkan.
38. S: **Jika permohonan STR 2024 Lulus bagi kategori Isi Rumah dan pemohon / pasangan meninggal dunia, adakah pemohon / pasangan layak menerima bayaran bagi fasa seterusnya?**
- J: Ya. Sekiranya pemohon Lulus bagi kategori Isi Rumah dan meninggal dunia, pemohon / pasangan layak menerima bayaran bagi fasa seterusnya.
39. S: **Sekiranya pemohon meninggal dunia pada tahun 2023, adakah pasangan perlu membuat Permohonan Baharu STR 2024?**
- J: Ya. Pasangan perlu membuat Permohonan Baharu pada STR 2024.
40. S: **Jika permohonan STR 2023 Lulus bagi kategori Isi Rumah dan pemohon meninggal dunia, adakah pasangan boleh membuat permohonan baharu STR 2024 dengan status perkahwinan terkini?**
- J: Ya. Pasangan boleh membuat permohonan baharu STR dengan status perkahwinan terkini dan amaun bayaran bagi kategori terbaharu akan mengikut kelayakan fasa yang seterusnya. Rujuk Soalan Lazim (FAQ) Pembayaran STR 2024.
- D. PERMOHONAN SEMAKAN SEMULA (TIDAK LULUS)**
41. S: **Bilakah permohonan rayuan boleh dilakukan?**
- J: Permohonan Rayuan STR boleh dibuat **mulai 29 Januari 2024** (tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa).
42. S: **Siapakah yang layak membuat Permohonan Rayuan STR 2024?**
- J: Pemohon yang layak membuat Permohonan Rayuan STR adalah:
- Pemohon yang berstatus Tidak Lulus STR 2024; atau
  - Pemohon yang berstatus Lulus STR 2024 dan terhad kepada rayuan bagi tambahan anak, perubahan status perkahwinan dan perubahan pendapatan sahaja.
43. S: **Bagaimanakah Permohonan Rayuan STR 2024 secara dalam talian boleh dilakukan?**
- J: Permohonan Rayuan STR secara dalam talian boleh dibuat dengan Log Masuk pada menu MySTR > **Permohonan Rayuan**. Log masuk MySTR memerlukan ID dan Kata Laluan yang telah didaftarkan sebelum ini. Sekiranya masih belum mendaftar MySTR, rujuk Soalan Lazim (FAQ) Pendaftaran MySTR bagi kaedah pendaftaran MySTR di Portal Rasmi STR , <https://bantuantunai.hasil.gov.my>

**44. S: Adakah saya perlu memuat naik dokumen sokongan semasa membuat Permohonan Rayuan STR 2024?**

J: Ya. Dokumen sokongan diperlukan bergantung kepada Alasan Tidak Lulus STR 2024. Rujuk Soalan 66 bagi senarai dokumen mengikut Alasan Tidak Lulus.

**45. S: Saya telah membuat Permohonan Rayuan STR 2024 secara dalam talian tetapi terdapat kesilapan maklumat semasa mengisi permohonan rayuan. Adakah saya masih boleh membuat kemas kini rayuan secara dalam talian?**

J: Kemas kini Permohonan Rayuan STR secara dalam talian boleh dibuat selagi permohonan rayuan masih belum diproses oleh pegawai HASiL. Sekiranya Permohonan Rayuan STR telah diproses oleh pegawai HASiL, kemas kini Permohonan Rayuan STR boleh dibuat secara manual di kaunter Pejabat HASiL.

#### PENGESAHAN PENGENALAN

**46. S: Saya Tidak Lulus kerana perlu pengesahan pengenalan. (KOD ALASAN 01 / 02 / 03 ) Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa Permohonan Rayuan STR 2024?**

J: Dokumen pembuktian pengenalan adalah tidak diperlukan. Semakan pengenalan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Permohonan Rayuan STR boleh dibuat secara dalam talian tanpa memuat naik atau mengemukakan sebarang dokumen sokongan.

**47. S: Saya Tidak Lulus kerana maklumat pengenalan Pasangan / Anak berbeza dengan data agensi melibatkan maklumat Nama / Pengenalan. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa Permohonan Rayuan STR 2024?**

J: Dokumen pembuktian pengenalan adalah tidak diperlukan bagi pengesahan pengenalan. Semakan pengenalan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Permohonan Rayuan STR boleh dibuat secara dalam talian tanpa memuat naik atau mengemukakan sebarang dokumen sokongan.

Walau bagaimanapun sekiranya maklumat Nama / Nombor Pengenalan Pasangan / Anak yang sebenar tidak sama pada maklumat Borang Permohonan STR 2024 dokumen pengenalan Pasangan / Anak seperti di bawah perlu dikemukakan bagi tujuan pengesahan.

a. Dokumen asal / salinan pengenalan Pasangan

- i. MyKad
- ii. MyPR

b. Dokumen asal / salinan pengenalan Pasangan

- i. MyKad / MyKid Anak; **dan**
- ii. Sijil Lahir Anak / Sijil Daftar Anak Angkat (bagi pengesahan hubungan pertalian)

**. S: Saya Tidak Lulus kerana Hubungan Pertalian antara Anak dan Pemohon / Pasangan tidak sepadan dengan data agensi. (Kod Alasan: 04) Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa Permohonan Rayuan STR 2024?**

- J: Dokumen yang perlu dikemukakan semasa Permohonan Rayuan STR 2024 adalah seperti dibawah :
- i) Salinan MyKad / MyKid Anak atau
  - ii) Salinan Sijil Lahir Anak"
- S: Saya Tidak Lulus kerana perlu pengesahan pengenalan pasangan. (Kod Alasan: 05). Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa Permohonan Rayuan STR 2024?
- J: Dokumen yang perlu dikemukakan semasa Permohonan Rayuan STR 2024 adalah seperti dibawah :
- i) Dokumen Pengenalan Pasangan atau
  - ii) Sijil Perkahwinan / Sijil Lahir

#### PENGESAHAN PENDAPATAN

48. S: Permohonan STR 2024 saya Tidak Lulus kerana semakan rekod agensi mendapati pendapatan pemohon / pasangan melebihi RM5,000 (bagi kategori Isi Rumah) / pendapatan pemohon melebihi RM2,500 (bagi kategori Bujang). Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa Permohonan Rayuan STR?
- J: Dokumen pembuktian pendapatan pemohon / pasangan adalah tidak diperlukan. Semakan pendapatan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Permohonan Rayuan STR boleh dibuat secara dalam talian tanpa memuat naik atau mengemukakan sebarang dokumen sokongan.
49. S: Saya Tidak Lulus kerana pendapatan yang dilaporkan pada borang melebihi kelayakan pendapatan yang telah ditetapkan. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa Permohonan Rayuan STR 2024?

Bagi alasan Tidak Lulus semakan yang dilaporkan pada borang melebihi kelayakan pendapatan yang telah ditetapkan, pemohon perlu melaporkan maklumat pendapatan yang sebenar pada Borang Permohonan Rayuan STR 2024.

#### PENGESAHAN PEMILIKAN PERNIAGAAN KOD ALASAN 14 / 15 / 16 / 17 / 18 / 19 / 20 / 21

50. S: Adakah saya perlu mengemukakan dokumen maklumat perniagaan pemohon / pasangan agar Permohonan Rayuan STR 2024 saya dipertimbangkan?
- J: Tidak. Semakan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Permohonan Rayuan STR boleh dibuat secara dalam talian tanpa memuat naik atau mengemukakan sebarang dokumen sokongan.
51. S: Saya merupakan Pemegang Saham tetapi syarikat berkenaan berstatus tidak aktif. Saya juga sudah tidak berhubung dengan Pengarah Syarikat berkenaan. Adakah saya layak untuk membuat Permohonan Rayuan STR 2024?
- J: Permohonan Rayuan STR boleh dibuat secara dalam talian tanpa memuat naik atau mengemukakan sebarang dokumen sokongan. Semakan status terkini

syarikat akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

**52. S: Permohonan STR 2024 saya Tidak Lulus kerana memiliki perniagaan. Perniagaan saya dijalankan oleh anak saya. Apakah dokumen yang boleh dikemukakan semasa Permohonan Rayuan STR?**

J: Permohonan Rayuan STR boleh dibuat secara dalam talian tanpa memuat naik atau mengemukakan sebarang dokumen sokongan. Semakan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

#### **PENGESAHAN PEMILIKAN KENDERAAN**

**53. S: Permohonan STR 2024 saya Tidak Lulus berkenaan status pemilikan kenderaan melebihi had kemampuan golongan berpendapatan rendah (B40). Sekiranya kenderaan tersebut diperolehi hasil daripada cabutan bertuah / hadiah daripada peraduan / majikan, adakah saya perlu mengemukakan sebarang dokumen sokongan semasa tempoh Permohonan Rayuan STR?**

J: Tidak. Semakan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

**54. S: Permohonan STR 2024 saya Tidak Lulus disebabkan memiliki kenderaan melebihi kelayakan tetapi kenderaan tersebut telah hilang / dicuri dan laporan polis juga telah dibuat, adakah saya perlu mengemukakan sebarang dokumen sokongan semasa tempoh Permohonan Rayuan STR?**

J: Sebarang pengemukaan dokumen sokongan adalah tidak diperlukan. Semakan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

**55. S: Saya Tidak Lulus disebabkan pemilikan kenderaan Pemohon / Pasangan melebihi had kemampuan golongan berpendapatan rendah (B40). Apakah kriteria bagi kenderaan tersebut?**

J: Kriteria pemilikan kenderaan Pemohon / Pasangan melebihi had kemampuan bagi golongan berpendapatan rendah (B40) adalah seperti berikut:

- a. Memiliki kenderaan mewah dan tahun buatan kurang daripada 5 tahun;
- b. Memiliki kenderaan (tidak termasuk motosikal) yang berkapasiti enjin melebihi 2,000 cc dan tahun buatan kurang daripada 10 tahun;
- c. Memiliki kenderaan (tidak termasuk motosikal) yang berkapasiti enjin melebihi 1,600 cc dan tahun buatan kurang daripada 5 tahun;
- d. Memiliki motosikal yang berkapasiti enjin melebihi 300 cc dan tahun buatan kurang 5 tahun;
- e. Memiliki kenderaan bagi bahan bakar hibrid dan tidak mengambil kira tahun buatan;
- f. Memiliki kenderaan bagi bahan bakar elektrik dan tidak mengambil kira tahun buatan.

#### **PENGESAHAN TRANSAKSI PEMILIKAN HARTA TANAH**

**56. S: Permohonan STR 2024 saya Tidak Lulus berkenaan status transaksi pemilikan harta tanah / pembelian saham melebihi had kemampuan golongan**

**berpendapatan rendah (B40). Adakah saya perlu mengemukakan sebarang dokumen sokongan semasa tempoh rayuan STR dibuka?**

- J: Tidak. Semakan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Permohonan Rayuan STR boleh dibuat secara dalam talian tanpa memuat naik atau mengemukakan sebarang dokumen sokongan.

#### **ALASAN LAIN TIDAK LULUS**

**57. S: Saya Tidak Lulus kerana tidak melepas syarat kelayakan bagi Kategori Bujang. Apakah kriteria bagi alasan Tidak Lulus tersebut?**

- J: **Kriteria bagi permohonan Tidak Lulus kerana tidak melepas syarat kelayakan bagi Kategori Bujang adalah seperti berikut:**
- a. Pemohon bujang berumur 20 tahun dan ke bawah atau pemohon bujang Orang Kurang Upaya (OKU) berumur 18 tahun dan ke bawah
  - b. Tiada data di Jabatan Kemajuan Masyarakat (JKM) sebagai OKU bagi pemohon yang berumur 19 tahun - 20 tahun
  - c. Pemohon wujud sebagai pelajar sepenuh masa

**58. S: Permohonan STR saya Tidak Lulus kerana tidak melepas syarat kelayakan bagi Kategori Bujang. Adakah saya layak untuk membuat Permohonan Rayuan STR dan apakah dokumen pembuktian yang perlu saya kemukakan?**

- J: Anda boleh membuat Permohonan Rayuan STR sekiranya berumur 21 tahun dan ke atas atau 19 tahun dan ke atas bagi pemohon berstatus Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Semakan status Orang Kurang Upaya (OKU) akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF); **atau** dokumen pembuktian yang boleh dikemukakan adalah seperti berikut:

- a. Salinan Kad Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi pemohon yang berumur 19 tahun dan ke atas
- b. Dokumen pembuktian tamat belajar bagi tahun 2023 / 2024 bagi pemohon berumur 21 tahun dan ke atas; atau
- c. Dokumen pembuktian Belajar Separuh Masa bagi sesi 2023 / 2024 bagi pemohon berumur 21 tahun dan ke atas

**59. S: Saya masih belajar sepenuh masa dan Permohonan STR saya adalah berstatus Tidak Lulus kerana tidak menepati syarat kelayakan bagi Kategori Bujang. Adakah saya boleh membuat Permohonan Rayuan STR?**

- J: Tidak. Walau bagaimanapun maklumat anda boleh didaftarkan sebagai anak di permohonan ibu bapa. Sekiranya anda merupakan pelajar bagi mod pengajian separuh masa, anda boleh membuat Permohonan Rayuan STR dengan mengemukakan dokumen pembuktian belajar separuh masa bagi sesi 2023 / 2024 bagi pemohon berumur 21 tahun dan ke atas.

- 60. S: Sekiranya Permohonan STR saya berstatus Tidak Lulus kerana Pemohon / Pasangan wujud di permohonan lain, adakah saya boleh membuat Permohonan Rayuan STR secara Dalam Talian?**
- J: Tidak. Permohonan Rayuan STR secara Dalam Talian tidak dibenarkan bagi alasan tidak lulus tersebut.
- 61. S: Saya Tidak Lulus kerana semakan rekod agensi mendapati pemohon / pasangan memiliki kediaman melebihi syarat kelayakan. Apakah kriteria pemilikan kediaman bagi kod alasan tersebut?**
- J: Kriteria pemilikan kediaman bagi Alasan Tidak Lulus pemohon / pasangan memiliki 3 atau lebih kediaman berdasarkan semakan akaun bil elektrik dengan agensi Kerajaan berkaitan.
- 62. S: Saya memiliki 3 kediaman berdasarkan akaun bil elektrik, 2 kediaman adalah milik saya dan selebihnya adalah rumah yang disewa oleh saya. Sekiranya ingin membuat Permohonan Rayuan STR dokumen pembuktian apakah yang perlu dikemukakan?**
- J: Dokumen pembuktian yang perlu dikemukakan oleh anda adalah perjanjian sewa rumah. Anda perlu mengemukakan dokumen pindah milik / penjualan rumah / cukai tanah / cukai pintu sekiranya berkenaan semasa membuat Permohonan Rayuan STR.
- 63. S: Saya memiliki kereta AUDI dan tahun buatan 2021. Adakah saya layak menerima STR 2024?**
- J: Tidak. Sekiranya pemohon memiliki kenderaan melebihi had kemampuan bagi golongan berpendapatan rendah (B40), Permohonan STR pemohon adalah berstatus Tidak Lulus. Rujuk soalan 55
- 64. S: Saya telah Lulus Permohonan STR dengan pendapatan Isi Rumah melebihi RM2,501, walau bagaimanapun pasangan saya telah berhenti kerja. Adakah saya boleh membuat Permohonan Rayuan Tambahan bagi perubahan pendapatan?**
- J: Ya. Anda dibenarkan untuk membuat Permohonan Rayuan Tambahan disebabkan berlaku perubahan pendapatan Isi Rumah. Dokumen pembuktian pendapatan pemohon / pasangan adalah tidak diperlukan. Semakan pendapatan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan (MOF). Permohonan Rayuan STR boleh dibuat secara dalam talian tanpa memuat naik atau mengemukakan sebarang dokumen sokongan. Rujuk FAQ Pembayaran STR 2024 bagi permohonan rayuan tambahan.
- 65. S: Saya telah lulus permohonan STR 2024 dan menerima bayaran Fasa 1 bagi kategori Bujang, walau bagaimanapun saya telah berkahwin pada Jun 2024. Adakah saya dibenarkan untuk mengemas kini status perkahwinan saya?**
- J: Ya. Anda dibenarkan untuk mengemas kini status perkahwinan mengikut status perkahwinan yang terkini dengan mengemukakan sijil perkahwinan sebagai dokumen sokongan. Rujuk FAQ Pembayaran STR 2024 bagi permohonan rayuan tambahan.

66. S: Saya telah Lulus Permohonan STR 2024 tetapi maklumat anak saya adalah tidak layak kerana tidak melepas syarat kelayakan umur lebih dari 19 tahun sebagai pelajar sepenuh masa sedangkan anak saya masih lagi belajar. Adakah saya masih boleh membuat Permohonan Rayuan Tambahan bagi mengekalkan maklumat anak tersebut?

J: Ya. Rayuan Tambahan STR boleh dilakukan dengan mengemukakan dokumen pembuktian belajar sepenuh masa anak bagi sesi 2023/2024.

67. S: Permohonan STR saya telah Lulus, walau bagaimanapun maklumat anak saya tidak layak kerana anak mempunyai pendapatan berdasarkan semakan agensi. Adakah saya masih boleh membuat Permohonan Rayuan Tambahan bagi anak tersebut sekiranya beliau tidak lagi bekerja?

J: Ya. Rayuan Tambahan boleh dilakukan tanpa sebarang dokumen pembuktian, semakan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

68. S: Apakah Alasan Tidak Lulus STR dan Dokumen Sokongan yang diperlukan semasa membuat Permohonan Rayuan STR?

J: Permohonan STR dan dokumen sokongan yang diperlukan semasa membuat Permohonan Rayuan STR adalah seperti berikut:

KOD ALASAN TIDAK LULUS	PENERANGAN / DOKUMEN SOKONGAN
01	<b>Maklumat Pengenalan Pemohon berbeza dengan semakan data agensi melibatkan Nama / Nombor Pengenalan / Status Kewarganegaraan</b> TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN a. Tidak perlu sebarang pembuktian pengenalan b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
02	<b>Maklumat Pengenalan Pasangan berbeza dengan semakan data agensi melibatkan Nama / Nombor Pengenalan</b> TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN a. Tidak perlu sebarang pembuktian pengenalan b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) atau c. Dokumen asal dan Salinan yang perlu dikemukakan ialah: i. MyKad ii. MyPR
03	<b>Maklumat Pengenalan Anak berbeza dengan semakan data agensi melibatkan Nama / Nombor Pengenalan</b> TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN a. Tidak perlu sebarang pembuktian pengenalan b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) atau c. Dokumen asal dan Salinan yang perlu dikemukakan ialah: i. MyKad / MyKid Anak; dan ii. Sijil Lahir Anak / Sijil Daftar Anak Angkat (bagi pengesahan hubungan pertalian)
04	<b>Hubungan Pertalian antara Anak dan Pemohon / Pasangan tidak sepadan dengan data agensi</b> TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: a. MyKad / MyKid Anak; dan

	b. Sijil Lahir Anak / Sijil Daftar Anak Angkat (bagi pengesahan hubungan pertalian)
<b>05</b>	<b>Maklumat Pengenalan Pasangan perlu pengesahan</b>
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen asal dan Salinan yang perlu dikemukakan ialah: a. Dokumen Pengenalan Pasangan; <b>atau</b> b. Sijil Lahir Anak (walaupun anak tidak didaftarkan dalam permohonan STR); <b>atau</b> c. Sijil Perkahwinan (sekiranya pemohon tidak mempunyai anak)
<b>06</b>	<b>Pemohon tidak melepas syarat kelayakan bagi Kategori Bujang</b>
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Semakan status Orang Kurang Upaya (OKU) akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF); <b>atau</b> b. Dokumen asal dan salinan yang boleh dikemukakan ialah: i. Kad OKU yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi pemohon berumur 19 tahun dan ke atas; <b>atau</b> ii. Dokumen pembuktian tamat belajar bagi tahun 2023 / 2024 bagi pemohon berumur 21 tahun dan ke atas; <b>atau</b> iii. Dokumen pembuktian belajar separuh masa bagi sesi 2023 / 2024 bagi pemohon berumur 21 tahun dan ke atas.
<b>07</b>	<b>Semakan agensi mendapati anak tidak melepas syarat kelayakan bagi umur lebih dari 19 tahun sebagai Pelajar Sepenuh Masa</b>
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: a. Dokumen pembuktian belajar sepenuh masa anak bagi sesi 2023 / 2024; <b>dan</b> b. Kad Pelajar anak sesi 2023 / 2024
<b>08</b>	<b>Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon / Pasangan melebihi RM5,000</b>
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian pendapatan b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
<b>09</b>	<b>Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon / Pasangan melebihi RM5,000 termasuk pendapatan sewa</b>
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian pendapatan b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
<b>10</b>	<b>Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon melebihi RM2,500</b>
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian pendapatan b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
<b>11</b>	<b>Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon melebihi RM2,500 termasuk pendapatan sewa</b>
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian pendapatan b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
<b>12</b>	<b>Anak mempunyai pendapatan berdasarkan semakan agensi</b>
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian pendapatan b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

	c. Pemohon dibenarkan membuat Rayuan Tambahan – Maklumat Anak lain yang menepati syarat kelayakan / Perubahan Pendapatan
<b>13</b>	<b>Anak mempunyai pendapatan berdasarkan semakan agensi termasuk pendapatan sewa</b>
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian pendapatan b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) c. Pemohon dibenarkan membuat Rayuan Tambahan – Maklumat Anak lain yang menepati syarat kelayakan / Perubahan Pendapatan
<b>14</b>	<b>Pemohon / Pasangan memiliki 3 atau lebih Perniagaan Milikan Tunggal / Perkongsian</b>
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat perniagaan b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
<b>15</b>	<b>Pemohon berdaftar sebagai Pemegang Saham</b>
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat Pemegang Saham b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
<b>16</b>	<b>Pemohon berdaftar sebagai Pengarah Syarikat</b>
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat Pengarah Syarikat b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
<b>17</b>	<b>Pemohon berdaftar sebagai Perkongsian Liabiliti Terhad</b>
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat Perkongsian Liabiliti Terhad b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
<b>18</b>	<b>Pasangan berdaftar sebagai Pemegang Saham</b>
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat Pemegang Saham b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
<b>19</b>	<b>Pasangan berdaftar sebagai Pengarah Syarikat</b>
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat Pengarah Syarikat b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
<b>20</b>	<b>Pasangan berdaftar sebagai Perkongsian Liabiliti Terhad</b>
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat Perkongsian Liabiliti Terhad b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
<b>21</b>	<b>Pemohon memiliki 2 atau lebih Perniagaan Milikan Tunggal / Perkongsian</b>
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat perniagaan b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
<b>22</b>	<b>Semakan rekod agensi mendapati pemilikan kenderaan Pemohon / Pasangan melebihi had kemampuan bagi golongan berpendapatan rendah (B40).</b>

TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat pemilikan kenderaan b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
23	<b>Semakan rekod agensi mendapati pemilikan kenderaan Pemohon / Pasangan melebihi had kemampuan bagi golongan berpendapatan rendah (B40).</b>
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat pemilikan kenderaan b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
24	<b>Semakan rekod agensi mendapati pemilikan kenderaan Pemohon / pasangan melebihi had kemampuan bagi golongan berpendapatan rendah (B40).</b>
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat pemilikan kenderaan b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
25	<b>Semakan rekod agensi mendapati pemilikan kenderaan Anak melebihi had kemampuan bagi golongan berpendapatan rendah (B40)</b>
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat pemilikan kenderaan b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) c. Pemohon dibenarkan membuat Rayuan Tambahan - Maklumat Anak lain yang menepati syarat kelayakan / Perubahan Pendapatan
28	<b>Pemohon / Pasangan mempunyai Transaksi Pemilikan Hartanah yang melebihi RM300,000</b>
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian Transaksi Pemilikan Hartanah b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
31	<b>Pemohon tidak menetap di Malaysia / bekerja / belajar di Luar Negara berdasarkan rekod agensi</b>
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian menetap di Malaysia b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
32	<b>Permohonan dari Luar Negara secara dalam talian</b>
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Pemohon sendiri perlu hadir ke HASIL bersama-sama borang Permohonan Rayuan STR 2024; dan b. Salinan MyKad Pemohon
33	<b>Pemohon wujud sebagai Pasangan di permohonan lain</b>
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: <b>a. Status Kahwin</b> i. MyKad Pemohon; <b>dan</b> ii. Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); <b>atau</b> iii. Sijil Lahir Anak (walaupun anak tidak didaftarkan dalam permohonan STR) <b>b. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda</b>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sijil / Surat Pengesahan Perceraian (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Tuai Rumah / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); dan</li> <li>ii. Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan STR)</li> </ul>
<b>34</b>	<b>Pasangan wujud sebagai Pemohon di permohonan lain</b>
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<p>Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah:</p> <p><b>a. Status Kahwin</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. MyKad Pasangan; <b>dan</b></li> <li>ii. Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); <b>atau</b></li> <li>iii. Sijil Lahir Anak (walaupun anak tidak didaftarkan dalam permohonan STR)</li> </ul> <p><b>b. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sijil / Surat Pengesahan Perceraian (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Tuai Rumah / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); dan</li> <li>ii. Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan)</li> </ul>
<b>35</b>	<b>Pasangan wujud sebagai Pasangan di permohonan lain</b>
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<p>Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah:</p> <p><b>a. Status Kahwin</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Dokumen Pengenalan Pasangan (MyKad / MyPR / MyKAS / Sijil Lahir / Pasport / UNCHR (Pas Sempadan)); <b>dan</b></li> <li>ii. Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); <b>atau</b></li> <li>iii. Sijil Lahir Anak (walaupun anak tidak didaftarkan dalam permohonan STR)</li> </ul> <p><b>b. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sijil / Surat Pengesahan Perceraian (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Tuai Rumah / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); dan</li> <li>ii. Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan STR)</li> </ul>
<b>38</b>	<b>Pemohon berstatus Kahwin tetapi tiada maklumat Pasangan</b>
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<p>Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah:</p> <p><b>a. Status Kahwin</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. MyKad Pemohon; <b>dan</b></li> <li>ii. Dokumen Pengenalan Pasangan (MyKad / MyPR / MyKAS / Sijil Lahir / Pasport / UNCHR / (Pas Sempadan)); <b>dan</b></li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>iii. Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); atau</li> <li>iv. Sijil Lahir Anak (walaupun anak tidak didaftarkan dalam permohonan STR)</li> </ul> <p><b>b. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sijil / Surat Pengesahan Perceraian (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Tuai Rumah / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); dan</li> <li>ii. Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan STR)</li> </ul>
<b>39</b>	<b>Status Perkahwinan perlu pengesahan</b>
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<p>Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah:</p> <p><b>a. Status Kahwin</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. MyKad Pemohon; dan</li> <li>ii. Dokumen Pengenalan Pasangan (MyKad / MyPR / MyKAS / Sijil Lahir / Pasport / UNCHR / (Pas Sempadan); dan</li> <li>iii. Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); atau</li> <li>iv. Sijil Lahir Anak (walaupun anak tidak didaftarkan dalam permohonan STR)</li> </ul>
<b>42</b>	<b>Tarikh Kematian Pasangan memerlukan Salinan Sijil Kematian Pasangan</b>
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<p>Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah:</p> <p><b>a. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sijil Kematian Pasangan yang dikeluarkan oleh JPN; dan</li> <li>ii. Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat anak dalam permohonan); atau</li> <li>iii. Sijil Perkahwinan (Pembuktian maklumat pasangan yang meninggal dunia)</li> </ul>
<b>43</b>	<b>Anak meninggal dunia</b>
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Tidak perlu sebarang dokumen pembuktian</li> <li>b. Anak berkenaan tidak layak dipertimbangkan</li> <li>c. Pemohon dibenarkan membuat Rayuan Tambahan – Maklumat Anak lain yang menepati syarat kelayakan / Perubahan Pendapatan</li> </ul>
<b>44</b>	<b>Anak tidak menepati syarat kelayakan</b>
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Tidak perlu sebarang dokumen pembuktian</li> <li>b. Anak berkenaan tidak layak dipertimbangkan</li> <li>c. Pemohon dibenarkan membuat Rayuan Tambahan – Maklumat Anak lain yang menepati syarat kelayakan / Perubahan Pendapatan</li> </ul>
<b>41</b>	<b>Tarikh Perceraian memerlukan Salinan Sijil Perceraian yang dikeluarkan oleh Agensi Kerajaan</b>
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<p>Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah:</p> <p><b>a. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda</b></p>

	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Sijil / Surat Pengesahan Perceraian (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Tuai Rumah / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); dan</li><li>ii. Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan STR)</li></ul>
<b>48</b>	<b>Semakan rekod agensi mendapati had kemampuan pemohon / pasangan memiliki kediaman melebihi syarat kelayakan</b>
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah : <ul style="list-style-type: none"><li>a. Dokumen Pindah Milik / Penjualan Rumah / Cukai Tanah / Cukai Pintu</li><li>b. Perjanjian sewa rumah bagi perayu yang menyewa</li></ul>

## **E. PERUBAHAN MAKLUMAT ASAS PERMOHONAN**

### **69. S: Apakah fungsi Skrin Perubahan Maklumat Asas Permohonan STR?**

J: Fungsi Skrin Perubahan Maklumat Asas Permohonan STR adalah bagi membenarkan Permohonan STR yang berstatus Lulus untuk membuat perubahan / kemas kini maklumat asas terhad seperti maklumat berikut:

- a. No. Telefon Rumah;
- b. No. Telefon Bimbit;
- c. Alamat e-Mel;
- d. Maklumat Akaun Bank Pemohon / Pasangan;
- e. Maklumat Waris

### **70. S: Bilakah Perubahan Maklumat Asas Permohonan STR boleh dibuat?**

J: Perubahan Maklumat Asas Permohonan STR boleh dibuat selepas keputusan permohonan STR 2024 dipaparkan. Tempoh untuk membuat perubahan / kemas kini maklumat asas pemohon adalah sepanjang tahun 2024.

### **71. S: Bagaimanakah Perubahan Maklumat Asas Permohonan STR secara dalam talian boleh dilakukan?**

J: Permohonan Kemas Kini Maklumat Asas Permohonan STR secara dalam talian boleh dibuat dengan Log Masuk pada menu MySTR > **Perubahan Maklumat Asas Permohonan**. Log masuk MySTR memerlukan ID dan Kata Laluan yang telah didaftarkan sebelum ini. Sekiranya masih belum mendaftar MySTR, rujuk Soalan Lazim (FAQ) Pendaftaran MySTR bagi kaedah pendaftaran MySTR di Portal Rasmi STR, <https://bantuantunai.hasil.gov.my>

### **72. S: Saya adalah pemohon dan tidak mendaftarkan maklumat akaun bank semasa tempoh pendaftaran STR, adakah saya boleh menambah maklumat akaun bank semasa skrin Perubahan Maklumat Asas Permohonan dibuka?**

J: Ya. Anda boleh menambah maklumat akaun bank pemohon atau pasangan sekiranya tiada maklumat akaun bank pemohon atau pasangan pada borang permohonan STR 2024.

Pengemaskinian maklumat akaun bank juga dibenarkan sekiranya bayaran STR fasa terkini bukan melalui kaedah pengkreditan ke akaun bank pemohon / pasangan tersebut.

73. S: **Saya adalah penerima bayaran STR 2024 secara pengkreditan ke akaun bank dan status pembayaran adalah Berjaya Kredit, adakah saya boleh mengubah / mengemas kini maklumat akaun bank saya?**  
J: Tidak. Kemas kini maklumat akaun bank penerima tidak dibenarkan sekiranya status bayaran fasa sebelumnya adalah Berjaya Kredit.
74. S: **Kaedah pembayaran STR 2024 saya adalah secara kredit ke akaun bank pasangan semasa fasa pembayaran sebelumnya. Sekiranya status akaun bank tersebut adalah tidak aktif sebelum pembayaran fasa seterusnya bermula, adakah saya boleh mengubah / mengemas kini maklumat akaun bank pasangan saya?**  
J: Perubahan maklumat akaun bank pasangan hanya dibenarkan sekiranya status bayaran STR semasa fasa pembayaran sebelumnya adalah:  
a. Gagal Kredit; atau  
b. Tunai
75. S: **Permohonan STR 2024 saya berstatus Lulus dan saya telah membuat Permohonan Rayuan Tambahan STR dengan menukar status kepada Kahwin. Bagaimanakah cara untuk saya mengubah / mengemas kini maklumat akaun bank atau maklumat waris dalam Permohonan STR saya?**  
J: Anda boleh mengubah / mengemas kini maklumat pada menu Perubahan Maklumat Asas Permohonan.
76. S: **Saya merupakan waris baharu yang ingin mengubah / mengemas kini maklumat waris disebabkan waris yang didaftarkan pada borang STR telah uzur / sakit / berada di dalam penjara. Bagaimanakah saya boleh mengubah / mengemas kini maklumat waris bagi pihak pemohon yang telah meninggal dunia?**  
J: Perubahan / Pengemaskinian maklumat waris bagi pemohon yang telah meninggal dunia perlu dilakukan di Pejabat HASiL berdekatan. Waris baharu perlu melengkapkan Borang Permohonan Kemas Kini Maklumat Asas Permohonan dan sertakan dokumen seperti di bawah:  
a. Kad pengenalan (asal) waris;  
b. Sijil Kematian (asal / salinan) Pemohon; dan  
c. Dokumen pembuktian pertalian antara penerima dan waris:

Bil.	Hubungan Waris	Dokumen Pengesahan Pertalian
1.	Pasangan	a. Sijil Perkahwinan; <b>ATAU</b> b. Sijil Lahir Anak
2.	Ibu / Bapa	Sijil Kelahiran penerima
3.	Anak	Sijil Kelahiran Waris
4.	Anak Angkat	a. Sijil anak angkat yang dikeluarkan oleh JPN; <b>ATAU</b> b. Pengesahan Agensi Kerajaan (jika pemohon tiada sijil angkat) iaitu: i. Mahkamah; atau ii. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
5.	Anak Tiri	a. Sijil Lahir Waris (anak tiri); <b>DAN</b> b. Sijil Perkahwinan Ibu / Bapa Tiri
6.	Adik Beradik	a. Sijil Kelahiran Penerima; <b>DAN</b> b. Sijil Kelahiran Waris

7.	Cucu	a. Sijil Kelahiran Waris (Cucu); <b>DAN</b> b. Sijil Kelahiran Ibu / Bapa kepada Waris
----	------	---

**77. S:** **Saya merupakan pemohon dan telah Lulus STR 2024. Adakah saya boleh mengubah / mengemas kini maklumat waris selain daripada hubungan pertalian seperti di atas?**

Tidak. Pemohon hanya boleh mengubah / mengemas kini maklumat waris berdasarkan hubungan di atas melalui kaedah berikut:

- i. Dalam talian; atau
- ii. Borang kertas.

**78. S:** **Sekiranya pemohon telah meninggal dunia dan tidak mendaftarkan waris, siapakah yang layak didaftarkan sebagai waris?**

J: Pengemaskinian waris adalah **tidak dibenarkan** sekiranya **pemohon telah meninggal dunia dan tiada maklumat pasangan / waris didaftarkan dalam borang permohonan sedia ada**. Waris yang layak didaftarkan terhad kepada Pasangan / Anak yang wujud pada Bahagian B / C Borang Permohonan STR 2024 sahaja.

#### **F. LAIN - LAIN**

**79. S:** **Bagaimanakah cara untuk saya menyemak status permohonan, mendapatkan maklumat terkini dan membuat pertanyaan atau aduan berkaitan STR?**

J: Anda boleh menyemak status permohonan, mendapatkan maklumat terkini, membuat pertanyaan atau aduan berkaitan STR melalui saluran berikut:

- i. Portal Rasmi STR, <https://bantuantunai.hasil.gov.my>; atau
- ii. Semakan secara Aplikasi Mobile Sumbangan Tunai Rahmah. Muat turun di Play Store bagi platform Android; atau
- iii. Hubungi Hotline BKK HASiL: 1-800-88-2747 (Waktu Operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang); atau
- iv. Hubungi Hotline MOF: 03-8882 4565 / 4566 (Waktu Operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang); atau
- v. Hubungi Talian Pejabat HASiL (Rujuk Portal Rasmi STR); atau
- vi. Hadir sendiri ke Pejabat HASiL / PS / UTC.

**80. S:** **Jika seseorang memberi maklumat palsu, apakah tindakan yang akan dikenakan?**

J: Seseorang boleh disabitkan kesalahan di bawah seksyen 193 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan boleh dikenakan hukuman penjara sehingga tiga (3) tahun dan denda serta disenarai hitam oleh Kementerian Kewangan Malaysia dari menerima STR.

**81. S:** **Maklumat saya telah digunakan oleh individu lain bagi tujuan permohonan STR 2024. Apakah yang perlu saya lakukan?**

J: Anda perlu membuat laporan polis dan kemukakan bersama salinan pengenalan (Pasangan / Anak), sijil perkahwinan / Sijil Kematian / Sijil Perceraian (jika berkaitan) ke Pejabat HASIL untuk tindakan selanjutnya.